



# kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada [rencana@hmetro.com.my](mailto:rencana@hmetro.com.my)

## Soalan

**S**AYA berusia 14 tahun dan mempunyai masalah keluarga. Dulunya, kami hidup mewah kerana ayah seorang kontraktor terkenal di Pekan dan Kuantan, Pahang.

Kemewahan itu membuatkan ayah lupa diri dan bernikah dengan seorang pelayan kelab malam tanpa pengetahuan ibu.

Apabila ibu tahu, ayah sering memukul ibu.

Sekarang, saya sudah lama tidak berjumpa ayah.

Saya malu berdepan orang ramai apabila mereka mengetahui perangai ayah yang sebenar.

Kini, setiap hari saya membantu ibu di restoran miliknya. Kadangkala kami tertekan dengan keadaan ini.

Dr, keluarga saya bukanlah di kalangan yang taat perintah Allah. Macam mana saya nak sedarkan ayah?

Untuk pengetahuan Dr, isteri kedua ayah sudah meninggalkannya.

Kini, hati ibu tertutup untuk menerima ayah dan dia dua kali dijatuhkan talak.

Namun, saya tetap ingin melihat keluarga bersatu semula. Tolonglah saya.

**GADIS BERMASALAH**  
Pekan, Pahang

# Bapa kahwin pelayan kelab malam

*Anak mahu tahu cara keluarga pernah kecapi kekayaan kembali bahagia*

## Jawapan

**K**ONFLIK rumah tangga ibu bapa sering memberi kesan traumatik kepada kehidupan anak-anak.

Mereka akan kehilangan rasa selamat dan ada yang menjadikan peristiwa ini sebagai satu titik tolak kehidupan yang seterusnya akan mencorak pemikiran serta tingkah laku mereka.

Ternyata, sikap ayah adik membuatkan keluarga berpecah belah.

Sikapnya yang tidak bertanggungjawab itu juga menyebabkan ibu serta adik terpaksa bekerja keras mencari nafkah hidup.

Ayah sepatutnya bertindak sebagai pelindung keluarga.

Jika seorang anak ingin menegur kesalahan ibu bapa, dia hendaklah bersikap

lemah lembut kerana dengan bersikap kasar, ia akan menjauhkan ibu bapa daripada anak.

Mulakan dengan memaafkan mereka, mendoakan kemampuan kepada mereka dan berbincang secara sopan dan hikmah.

Kemudian, bertakwala kepada Allah agar mereka berubah.

Merendahkan diri kepada ibu bapa adalah perbuatan baik. Allah berfirman: "Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): 'Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara

dan mendidiku semasa kecil,'" (al-Isra' 17:24)

Apabila seorang isteri itu sering dipukul dan dua kali dijatuhkan talak, tentu bukan mudah melupakan peristiwa pahit.

Ibu mungkin berasa lebih bahagia menjalani hidup bersendirian daripada bersuamikan lelaki curang, kaki pukul dan tidak bertanggungjawab.

Dr tidak nafikan kebanyakannya anak mempunyai hasrat untuk melihat keluarga atau ibu bapa yang bercerai bersatu kembali.

Bagaimanapun, untuk keluarga adik bersatu kembali, perkara itu banyak bergantung kepada kesediaan ibu bapa adik menjernihkan konflik rumah tangga.

Jika ini tidak berlaku, adik

perlu menerima hakikat untuk mempunyai kehidupan keluarga yang berpecah.

Ada anak yang mengalami perubahan positif selepas ibu bapa mereka bercerai.

Mereka akan menjadi lebih bertanggungjawab dan sabar terhadap adik-beradik.

Mereka juga akan sentiasa memberi sokongan terhadap ahli keluarga yang lain dan belajar untuk memainkan peranan serta tanggungjawab masing-masing.

Jika adik dapat menghadapi konflik rumah tangga ibu bapa ini dengan baik, ia pastinya akan menguatkan semangat serta kematangan adik.

Adik akan lebih bertanggungjawab, tidak bergantung harap lagi dan lebih peka dengan keadaan sekeliling.

Bagaimanapun, ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk adik.

Oleh itu, carilah orang yang adik rasakan sesuai untuk luahkan perasaan dan dapat membimbing.

Rakan baik, guru, kaunselor sekolah dan insan yang boleh membantu adik.

Dr berharap dan mendoakan agar adik akan menjadi lebih tabah dan matang selepas melalui proses serta peristiwa pahit dalam kehidupan.

Jadikan kegagalan ayah menjadi pelindung dan kecekalan ibu menyara keluarga sebagai satu motivasi untuk menjadi insan yang lebih tabah.

Semoga sifat tabah ini akan menjadikan adik seorang yang berjaya dalam kehidupan pada masa hadapan.